

(1) KISAH NABI MUSA A.S DAN KHIDIR

Pengenalan

Al-Quran menceritakan tentang salah seorang daripada hamba-hambanya yang bertemu dengan nabi Musa a.s dan kisah mereka disebut dalam Surat Al-Kahf :

“Maka mereka memperoleh seorang dari hamba-hamba Kami, yang telah kami kurniakan kepada mereka rahmat dari Kami, dan Kami telah mengajarkannya ilmu pengetahuan; dari sisi Kami”. (al Kahfi : 65)

Hadis Nabi seperti yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, Ahmad, dan Tirmizi tentang hamba Allah yang soleh ini iaitu "Khidir". Ada pendapat mengatakan: Dinamakan "Khidir", kerana beliau duduk di atas "kulit kepala putih" iaitu permukaan bumi, tiba-tiba bumi itu bergoncang dari bawahnya keluar pohon hijau.

Perbahasan tajuk ini

(1) Kedudukan nabi Musa a.s

Musa a.s adalah nabi yang agung di kalangan nabi-nabi bangsa Israel, nabi yang mengalahkan Firaun, mempunyai mukjizat tangan dan tongkatnya, Dengan tongkatnya terbelah lautan. Allah swt memuliakannya dengan kitab Taurat, dan berbicara denganNya secara terbuka dan suara, apa lagi yang tinggi daripada ini? Apakah kehormatan yang lebih tinggi daripada kehormatan ini?

(١) سيدنا موسى وخضر

مقدمة

تحدث القرآن الكريم عن عبد من عباد الله تقابل معه موسى عليه السلام وجاءت قصتهما في سورة الكهف قال تعالى: ﴿فَوَجَدَا عَبْدًا مِّنْ عِبَادِنَا ءَاتَيْنَاهُ رَحْمَةً مِّنْ عِنْدِنَا وَعَلَّمْنَاهُ مِن لَّدُنَّا عِلْمًا﴾ سورة الكهف الآية : ٦٥

وتحدث السنة النبوية كما روى البخاري، وأحمد، والترمذي عن هذا العبد الصالح "الخضر" وقيل: إنه سمي بذلك؛ لأنه جلس على فروة بيضاء هي وجه الأرض؛ فإذا هي تهمز من تحته خضراء.

عرض الموضوع

(١) مكانة سيدنا موسى عليه السلام

موسى عليه السلام كبير أنبياء بني إسرائيل، وقاهر فرعون، وصاحب معجزة اليد والعصا، فبعصاه انفلق البحر، وقد شرفه الله تعالى بالتوراة، وكلمه جهرة وعيانا، فأى غاية أبعد من هذه الغاية؟ وأي شرف أسمى من هذا الشرف؟

(2) Sebab pertemuan nabi Musa dengan Khidir

Nabi Musa a.s menyampaikan ucapan kepada bani Israel, mengingatkan mereka tentang hari-hari Allah dengan ucapan yang menimbulkan keinsafan/kesedihan, mengalirkan air mata, lalu berlinanganlah air mata dan hati menjadi lembut.

Setelah beliau selesai daripada syarahannya, seorang lelaki menghampirinya dan berkata: "Wahai Rasul Allah? Adakah ada manusia di bumi ini yang berilmu daripada kamu?" Nabi Musa a.s menjawab: Tidak ada.

(3) Ilmu itu terlalu luas untuk dimiliki sepenuhnya oleh seseorang manusia

Namun Allah menwahyukan kepadanya bahawa Ilmu itu terlalu luas untuk dimiliki sepenuhnya oleh seseorang manusia, atau hanya dimiliki oleh seorang rasul sahaja. Di bumi ini Allah swt menganugerahkan ilmu lebih daripada pengetahuan yang ada padanya, sebahagiannya ilham yang lebih daripada apa yang ada padanya.

Nabi Musa berkata: Wahai Tuhanku, di manakah tempatnya? Agar aku dapat bertemuinya dan mengambil apa-apa ilmu daripadanya, atau limpahan ilham dan keyakinannya.

Allah berfirman: Kamu temuinya di tempat pertemuan dua laut.

Nabi Musa berkata: Berilah kepadaku maklumat yang dapat menunjukkan daku kepadanya, dan tanda yang mengenalkan daku padanya.

Allah berfirman: Tandanya adalah tempat kamu makan ikan yang disimpan dalam bekas (diperbuat dari daun tamar), di mana kamu akan kehilangan ikan tersebut kemudian kamu akan menjumpai lelaki itu.

(٢) سبب التقاء سيدنا موسى بالخضر

وقف موسى عليه السلام خطيباً في بني إسرائيل، مذكراً لهم بأيام الله بعبارات تثير الأسي، وتبعث الشئون، ففاضت العيون، ورقت القلوب.

ولما انتهى من قوله تعلق بأهدابه رجل، وقال: أي رسول الله: هل في الأرض من هو أعلم منك؟ قال موسى: لا.

(٣) العلم أعظم من أن يحويه رجل

ولكن الله أوحى إليه أن العلم أعظم من أن يحويه رجل، أو ينفرد به رسول، وأن في الأرض من خصه الله بعلم أوفر من علمه، ونصيب من الإلهام أوفر من نصيبه.

قال: يا رب، أين مكانه؟ لعلني ألقاه فأصيب قبسا من علمه، أو فيضا من إلهامه ويقينه، قال: تلقاه بمجمع البحرين. قال: اجعل لي علما يدلني عليه، وآية ترشدني إليه. قال: آية ذلك أن تأخذ حوتا في مكث، فحيث فقدت الحوت فقد وجدت الرجل.

(4) Nabi Musa a.s menyiapkan bekalannya untuk bertemu dengan Khidir

Nabi Musa a.s mengambil bekalannya dan ditemani oleh seorang budak suruhannya, dan membawa sebuah bekas dan disimpan ikan di dalamnya. Kedua-duanya berjalan dan arah tujuannya adalah lelaki tersebut, kemudian meminta budak suruhannya agar memberitahunya jika ikan tersebut hilang. Ketika samapai di tempat pertemuan dua laut, nabi Musa rasa mengantuk lalu tidur. Semasa beliau tidur, langit menurunkan hujan, lalu basahlah ikan tersebut dan bergerak, kemudian melompat ke dalam air. Nabi Musa bangun dari tidur, dan memanggil budak suruhannya:: Marilah kita teruskan perjalanan dan berjalan pergi.

Syaitan telah melupakan budak suruhannya tentang apa yang berlaku kepada ikan tersebut. Kedua-duanya meneruskan perjalanan sehingga kepenatan dan merasa lapar Musa berkata kepada budak suruhannya: Bawakan makanan kita, sudah jauh kita telah berjalan.

(5) Budak suruhannya Ingat kembali peristiwa ikan tersebut

Budak suruhannya Ingat kembali peristiwa ikan tersebut dan ianya telah melompat ke dalam air. dia berkata kepada nabi Musa: Tidakkah tuan ingat ketika berhenti di sebuah batu dan ketika itu tuan mengantuk? ikan telah melompat ke dalam air, dan saya terlupa untuk mengingatkan tuan perkara tersebut. Saya lupa ini kerana syaitan. Lalu mereka kembali menjejaki tempat tersebut, dan ketika mereka sampai di tempat yang mana mereka kehilangan ikan itu, terdapat seorang lelaki yang berbadan kurus, bermata cekun, terdapat tanda-tanda kenabian, dan di wajahnya terdapat limpahan sifat pemaaf dan ketakwaan, Nabi Musa a.s. memberi salam kepada lelaki tersebut Lelaki itu berkata: Adakah ada kedamaian di tempat saya? Siapa awak? Nabi Musa menjawab: Aku Musa Lelaki itu berkata: Nabi Musa, nabi Bani Israil? Nabi Musa menjawab: Ya, dan siapa yang memberitahu kamu tentang perkara ini? Lelaki itu berkata: Tuhan yang menghantar kamu kepadaku.

(٤) سيدنا موسى يعد العدة للقاء الخضر

أخذ موسى عليه السلام عدته، واصطحب فتاه، وحمل المكتل، ووضع الحوت فيه، وظل سائرا وقبلته الرجل، ثم أذن الفتى أن يخبره إذا فقد الحوت. ولما بلغ مجمع البحرين أخذت موسى سنةً من النوم فنام، وفي أثناء نومه هضبت السماء فابتل الحوت وانتفض، ثم قفز إلى الماء. واستيقظ موسى من النوم، ونادي فتاه: هيا نواصل المسير والسرى.

وأنسى الشيطان الفتى ما كان من أمر الحوت، وتابعا المسير إلى أن أدركهما الأين وأحسا بالجوع فقال موسى لفتاه: آتنا غداءنا، لقد لقينا من سفرنا هذا نصبا.

(٥) تذكر الفتى

تذكر الفتى ما كان من أمر الحوت وذهابه في الماء؛ فقال لموسى: أرايت إذ أوينا إلى الصخرة وحين غشاك النعاس؟ فإن الحوت قد اتخذ سبيله إلى الماء، ونسيت أن أذكرك، وما أنساني إلا الشيطان. فرجعا يقفوان الأثر، ولما وصلا إلى حيث فقدوا الحوت وجدا رجلا نحيل الجسم، غائر العينين، عليه دلائل من النبوة، وفي وجهه فيض من السماحة والتقوى، فسلم موسى عليه. قال الرجل: هل بأرضي من سلام؟ من أنت؟ قال: أنا موسى قال الرجل: موسى نبي بني إسرائيل؟ قال: نعم، و من أعلمك بهذا؟ قال: الذي بعثك إليّ.

(٦) أدب الحديث

تلطف موسى في القول، وتمل بأحسن ما وهبه الله من أدب الحديث وفضل التواضع، وقال: هل تأذن أيها العبد الصالح لرجل جاهد في سبيل لقاءك، ولقي العناء حتى أصاب موضعك، أن تفيض عليه من علمك، وأن تقبسه شيئا منه هديك على أن أتبعك، وأسير في ظلك، وألتزم أمرك ونهيك؟ قال له الخضر ﴿قال إنك لن تستطيع معي صبرا﴾ (سورة الكهف. الآية: ٦٧)

(٧) لِمَ قال الخضر لموسى إنك لن تستطيع معي صبرا؟

ولعل الخضر قال هذه المقولة لأنه يعلم أن موسى سيرى ظواهر عجيبة، وأمورا غريبة، وأفعالا منكرة في ظاهرها، وإن كانت حقا في بطنها، ولأن موسى بما ركب الله في البشر من إلف القبيل والقال والجنوح إلى البحث والجدال، سوف لا يسكت عن الاعتراض، ولا يتورع عن الامتناع، وكيف يصبر على ما يخرج عن المؤلف، ويتجاوز المعروف؟

(٨) العهد الذي أخذ على سيدنا موسى عليه السلام

ولما كان موسى حريصا على العلم، وتواقا إلى المعرفة فقد قال: ﴿ستجدني إن شاء الله صابرا ولا أعصى لك أمرا﴾ (سورة الكهف. الآية : ٦٩)
فقال الخضر : «إن صحبتني آخذ عليك عهدا وشرطا، أن تأخذ عدتك من الحزم والصبر، ونصيبك من الجلد، وضبط النفس، فلا تتدريني بسؤال، ولا تثر أمامي أي اعتراض، وإني بعدها سأتي على ما في نفسك، وأشفي ما بصدرك»، فقبل موسى الشرط.

(6) Adab Berbicara

Nabi Musa a.s bercakap dengan penuh lemah lembut dan dengan kebolehan bahasanya yang indah anugerah Allah swt serta rendah diri, baginda berkata: Wahai hamba Allah yang baik, adakah kamu izinkan lelaki yang berusaha untuk bertemu kamu, dan mengharungi kesukaran sehinggalah sampai ke tempat kamu ini, tujuannya agar kamu limpahkan ilmu kamu kepadanya, dan mengambil beberapa petunjukmu erima sesuatu daripadanya untuk membimbing anda , Saya berjalan dalam bayangan kamu izinkan saya mengikutimu dan berjalan di bawah naunganmu, dan saya berjanji akan mematuhi perintah dan larangan kamu. Khidir berkata kepadanya: " Dia menjawab: Sesungguhnya engkau (wahai Musa), tidak sekali-kali akan dapat bersabar bersamaku " (surah al Kahfi: 67)

(7) Kenapa Khidir berkata kepada nabi Musa a.s “bahawa kamu tidak akan bersabar dengan daku”?

Mungkin Khidir mengatakan perkataan ini kerana dia tahu bahawa nabi Musa akan melihat peristiwa mengkagumkan, perkara-perkara aneh, dan tindakan tidak sepatut dilakukan pada zahirnya, walaupun ianya adalah benar pada hakikatnya, dan kerana nabi Musa diutuskan oleh Allah kepada manusia, dia akan menghadapi pelbagai tuduhan dan pandangan, mencari perbincangan dan perdebatan. seterusnya tidak akan diam daripada bahtahan, tidak dapat menahan daripada kemarahan/sakit hati. Bagaimana dia boleh bersabar dengan apa yang menyalahi dari kebiasaannya, dan melampaui batas perkara yang diketahuinya?

(8) Janji yang diberikan oleh nabi Musa a.s

Setelah nabi Musa a.s begitu bersungguh untuk menimba ilmu dan mencari pengetahuan, seraya berkata: “Nabi Musa berkata: Engkau akan dapati aku, Insha Allah: Orang yang sabar; dan aku tidak akan membantah sebarang perintahmu”

Khidir berkata: Sekiranya kamu ingin bersamaku, aku akan buat perjanjian dan syarat dengan kamu iaitu kamu perlu bersedia untuk tegas dan sabar, bersedia dengan kecekan, mengawal diri. oleh itu jagan cepat bertanya dan jangan membantah di hadapanku, kerana selepas itu aku akan jelaskan apa yang terpendam dalam diri kamu dan ianya akan menyembuh (kedukaan) di dadamu”. lalu nabi Musa a.s menerima syarat tersebut.

(9) Bermulanya perjalanan

Nabi Musa a.s berjalan bersama Khidir sehinggalah kedua-duanya melihat sebuah kapal di laut dan meminta agar mereka membawa keduanya menaiki kapal tersebut. Lalu mereka pun membawa keduanya tanpa perlu membayar tambangnya kerana dapat membaca raut wajah keduanya penuh kemurahan hati dan melihat percikan kenabian bersinar di mata keduanya.

Ketika keduanya berada di dalam kapal itu, dan penghuninya tidak memerhatikannya. Khidir memegang dua papan dari badan kapal itu dan mencabutnya pergi, sehingga nabi Musa a.s terperanjat – *sedangkan beliau nabi yang diutuskan untuk memberi petunjuk kepada manusia dan menghalang kezaliman daripada mereka* – kerana membalas layanan mereka dengan kejahatan, kebaikan mereka dengan cara tidak membalas budi dan dibimbangi mereka akan tenggelam atau binasa. Dia lupa janjinya, lalu berteriak: “Adakah kamu sengaja buat untuk orang yang memuliakan kita, melayan dengan baik, lalu kamu memecahkan kapal mereka dan cuba menenggelamkan mereka? kamu telah lakukan sesuatu yang pelik. Khidir berkata: Tidakkah aku telah katakan bahawa kamu tidak boleh bersabar dengan daku. Lalu nabi Musa a.s meminta maaf dan berkata: Janganlah engkau marah akan daku disebabkan aku lupa (akan syaratmu).

(10) Nabi Musa a.s melanggar janjinya kali kedua

Mereka berdua menruskan perjalanan dan menemui budak lelaki yang comel sedang bermain dengan rakan-rakan sebaya usianya, lalu Khidir membawanya pergi kemudian membunuh Nabi Musa terkejut dan menganggap perbuatan tersebut adalah dosa besar, bagaimana boleh membunuh budak lelaki pada kesalahan yang bukannya hukuman hudud (kesalahan membunuh) dan menumpahkan darah tanpa apa-apa dosa. lalu nabi Musa telah melanggar janjinya dan berkata: “Nabi Musa berkata *Patutkah engkau membunuh satu jiwa yang bersih, yang tidak berdosa membunuh orang? Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perbuatan yang mungkar!*” Khidir menjawab dengan marah: “*Bukankah, aku telah katakan kepadamu, bahawa engkau tidak sekali-kali akan dapat bersabar bersamaku?*” Nabi Musa berkata: “*Jika aku bertanya kepadamu tentang sebarang perkara sesudah ini, maka janganlah engkau jadikan daku sahabatmu lagi; sesungguhnya engkau telah cukup mendapat alasan-alasan berbuat demikian disebabkan pertanyaan-pertanyaan dan bantahanku*”.

(٩) بدء الرحلة

سار موسى عليه السلام والخضر حتى لحا سفينة في البحر فطلبوا من أهلها حملهم، فحملوهما من غير نوال لما قرءوا السماحة في وجهيهما، ورأوا بريق النبوة يلمع في عيونهما.

وبينا هما في السفينة، وعلى حين غفلة من أهلها، أخذ الخضر لوحين من خشب السفينة فخلعهما، فهال موسى - وهو الرسول الكريم الذي أرسل لهداية الناس ورد عادية الظلم عنهم - أن يقابل صنيعهم بالإساءة، وجميلهم بالنكران، وخشي أن يصيبهم غرق أو هلاك ففسي عهده وصاح: أتعمد إلى قوم أكرموا وفادتنا، وأحسنوا لقاءنا، فتحرق سفينتهم وتحاول إغراقهم؟ ﴿لقد جئت شيئاً إمرأ﴾، فقال الخضر: ﴿قال ألم أقل إنك لن تستطيع معي صبراً﴾. فاعتذر موسى وقال: ﴿لا تؤاخذني بما نسيت﴾ (الكهف : ٧١)

(١٠) موسى يتحلل من عهده مرة أخرى

وتابعا المسير، فوجدا غلاما وضيئاً يلعب مع لداته وأقرانه، فأخذه الخضر بعيداً، ثم قتله ف فزع موسى، وكبر عنده ذلك الإثم كيف يقتل غلام في غير قود، ويشفك دمه في غير إثم، فتحلل من عهده، وقال: ما هذا المنكر الذي تأتبه؟ ﴿أقتلت نفساً زكية بغير نفس لقد جئت شيئاً نكراً﴾؟. فقال الخضر ممتعضاً: ﴿ألم أقل لك إنك لن تستطيع معي صبراً﴾ فرد موسى: ﴿إن سألتك عن شيء بعدها فلا تصاحبني قد بلغت من لدني عذراً﴾ (سورة الكهف: ٧٤ - ٧٦)

(١١) نهاية الرحلة

وانطلقا حتى أدركها الطوى، ونال منها النصب والكلال، وصادفا قرية في طريقها، فدخلها طمعا في زاد يعينها على السير، ولكن أهلها ما كانوا عليه من لؤم النحيزة، وكزازد النفس أبوا أن يضيفوهما، وخرجا جائعين ساخطين. وقبل أن يجاوزا القرية، وجدا جدارا يتداعي ل لسقوط، فأقامه الخضر، فقال موسى: عجبا! أتجازي هؤلاء اللؤماء الذين أساءوا اللقاء بهذا الإحسان؟ لو شئت لا اتخذت على عملك هذا أجرا. فقال الخضر: ﴿ هذا فراق بيني وبينك سانبئك بتأويل ما لم تستطع عليه صبرا ﴾. سورة الكهف. الآية ٧٨

(١٢) تأويل ما لم يستطع موسى عليه صبرا

قال الخضر: ﴿أما السفينة﴾ فكانت لمساكين يعملون في البحر؛ فيصيبون منها رزقا، ولكن ملكا ظلما كان يأخذ كل سفينة صالحة من أهلها عنوة، ويستولي عليها غصبا، فأردت أن أعيبها رحمة لهم ورفقا بهم، فإذا ما شهدها ملكهم تركها لعيبها.

﴿وأما الغلم﴾ فكان وقاحا مبغضا من الناس، وكان أبواه مؤمنين فقتلته حفاظا لدينهما لأن الله فطر الآباء على حب الأبناء، والدفاع عنهم بالحق وقد يحملهما هذا على التعصب له؛ فيقودهما إلى الطغيان والكفر، وأرجو الله أن يرزقهما خيرا منه زكاة وأقرب رحما،

(11) Akhir perjalanan

Mereka berangkat sehingga sampai ke Al-Tuwa dan merasai Keletihan dan kepenatan kemudian menemui sebuah kampung di tengah perjalanannya, lalu mereka masuk ke kampung tersebut mengharapkan adanya bekalan yang boleh membantu mereka meneruskan perjalanan, tetapi penduduk kampung itu menyalahkan mereka berdua dan enggan melayan mereka berdua, kemudian kedua-duanya keluar dari kampung itu dalam keadaan lapar dan marah. Sebelum mereka melintasi sempadan kampung itu, mereka dapati ada sebuah dinding yang hampir roboh, lalu Khidir mendirikan kembali dinding tersebut. Nabi Musa berkata: Cukup aneh, adakah kamu membalas dengan kebaikan ini kepada mereka yang tidak melayani kita? Jika kamu mahu, bolehlah ambil bayaran bagi kerja ini. Khidir berkata: *"Inilah masanya perpisahan antaraku denganmu, aku akan terangkan kepadamu maksud (kejadian-kejadian yang dimusykilkan) yang engkau tidak dapat bersabar mengenainya"*.

(12) Tafsiran apa yang nabi Musa a.s tidak dapat bersabar

Khidir berkata: Adapun perahu itu adalah ia dipunyai oleh orang-orang miskin yang bekerja di laut; mereka dapat mencari rezeki dengannya, tetapi ada seorang raja yang zalim, dia akan mengambil setiap kapal yang elok dari rakyatnya dengan cara paksa, dan merampasnya. Oleh itu, aku mahu mencacatkannya, kerana kasihan dan simpati kepada mereka. Apabila raja mereka melihat kapalyang rosak itu maka ia akan membiarkannya.

Adapun budak kecil itu, sikapnya kasar dan dibenci oleh orang ramai. Kedua ibu bapanya adalah orang-orang yang beriman, aku membunuhnya untuk memelihara agama mereka berdua kerana Allah swt mencipta naluri ibubapa untuk mencintai anak-anak, dan mempertahankan mereka dengan sebenarnya dan ini boleh menyebabkan mereka terlalu fanatik terhadapnya, seterusnya akan membawa mereka berdua kepada kezaliman dan kekufuran. Aku mengharapkan Allah swt menganugerahkan kepada keduanya anak yang baik dan penyayang.

Adapun tembok itu pula, sesungguhnya aku telah mengetahui daripada Allah swt bahawa di bawahnya ada harta terpendam kepunyaan dua orang anak yatim keturunan seorang lelaki soleh. Aku tidak lakukan perkara ini mengikut ilmu pengetahuanku atau pandanganku, tetapi ia adalah wahyu dari Allah swt, dan petunjuk daripadanya. Firman Allah swt : “Demikianlah penjelasan tentang maksud dan tujuan perkara-perkara yang engkau tidak dapat bersabar mengenainya” (surah al Kahfi : 82)

Pengajaran daripada kisah ini

1. Manusia tidak boleh merasa kagum dengan ilmunya, atau menyangka dia telah sampai ke tahap paling tinggi.
Kita perlu sentiasa ingat firman Allah swt: “dan tiap-tiap orang yang berilmu pengetahuan, ada lagi di atasnya yang lebih mengetahui” (surah Yusuf : 76)
firman Allah swt: “dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja”. (surah Al-Isra : 85)
2. Keinginan untuk belajar adalah sifat terpuji. Ilmu adalah warisan kenabian.
Begitu juga belajar adab yang baik bersama guru-guru kita. Perhatikanlah kata-kata nabi Musa kepada gurunya : “aku tidak akan membantah sebarang perintahmu”
3. Kita belajar tentang nasihat yang ikhlas, dan tidak membebankan pelajar dengan perkara yang tidak dapat dipikunya.
“Dia (Khidir) menjawab: Sesungguhnya engkau (wahai Musa), tidak sekali-kali akan dapat bersabar bersamaku”,
“Dan bagaimana engkau akan sabar terhadap perkara yang engkau tidak mengetahuinya secara meliputi?” dan perkara lain yang terkandung dalam kisah yang indah ini.

﴿وأما الجدار﴾ فقد علمت من الله أن تحته كنزاً لیتیمین صغیرین تحدرنا من أب صالح کریم. فأردت أن أحمي هذا الجدار، حتى یشتد أزرهما ویستخرجا کنزهما، وما فعلت هذا بعلمی ولا برأیی، ولكنه وحی من الله، وهدی منه . وقال تعالی :
﴿ذَلِكَ تَأْوِيلُ مَا لَمْ تَسْطِعْ عَلَيْهِ صَبْرًا﴾ سورة الكهف . الآية : ٨٢

دروس مستفادة

* أن الإنسان لا ينبغي أن يعجب بعلمه، أو يظن أنه بلغ المنتهى ولنذكر دائماً قوله تعالى : ﴿ وَفَوْقَ كُلِّ ذِي عِلْمٍ عَلِيمٌ ﴾ سورة يوسف الآية : ٧٦ . وقوله ﴿ وما أوتيتم من العلم إلا قليلاً ﴾ سورة الإسراء الآية : ٨٥

* أن الحرص على التعلم مُجَدَّة، فالعلم ميراث النبوة، ومنها أيضا تعلم الأدب الجميل مع معلمينا، وأنصت إلى قول موسى لمعلمه "لا أعصي لك أمرا"، "ستجدني إن شاء الله صابرا".

* نتعلم صدق النصيحة، وعدم تكليف المتعلم بما لا يطيق، "قال إنك لن تستطيع. معي صبرا" ، "وكيف تصبر على ما لم تحط به خيرا"، وغيرها وغيرها مما حوت هذه القصة الجميلة.

معاني المفردات	
الكلال : الضعف	قود : قصاص
النحيزة: الأصل والجمع نحائز	نكرا : منكرا
الكرازة : البخل وقلة الخير	الطوى : الجوع
عنوة : المعنى متروك للطالب	النصب : التعب

معاني المفردات	
انفلق: انشق	غائر العينين: دخلت عيناه في رأسه
الشئون: الدموع، وشئون العين: مجاريها	دلائل: البحث عن المعنى والمفرد متروك للطالب
الدمعية، والمفرد: شأن	أهدابه: البحث عن المعنى والمفرد متروك للمعلم
قبسا: البحث عن المعنى والجمع متروك للطالب	تواق: كثير الرغبة والشوق، صيغة مبالغة من تاق
مجمع البحرين: قيل: إنه يقع في الخليج العربي بحر فارس، وقيل بحر الأردن، وقيل: إنه يقع بسيناء.	الجلد: الصبر والقوة والاستماتة
مكتل: زنبيل يعمل من الخوص، والجمع ماتل، ويعرف بالمقطف	نوال : أجرة
سنة: البحث عن المعنى متروك ل الطالب	هال : أفرع
هضبت : أمطرت	أكرموا وفادتنا: رحبوا بنا استقبلونا بترحاب
الأيين : التعب	شيئا إمرأ : عظيما
يقفوان الأثر : يتبعان أثر أقدامها	غلاما وضيئا: مشرقا، والجمع أوضياء/وضاء
تحيل: مهزول، والجمع: تحلى	لداته: أترابه وأقرانه، والمفرد لدة: وهو الذي ولد يوم ولادتك